

10/2/2017

Majlis Syarahan dan Perbincangan GSEEP denga... - Noorfauziati Binti Mat Yatim

Majlis Syarahan dan Perbincangan GSEEP dengan Pihak Kabupaten Bekasi, Indonesia

Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme

Mon 10/2/2017 9:56 AM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUMstudentgroup <studentnet-out@uum.edu.my>;

Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah <kamarulnizam@uum.edu.my>; Dr. Noor Azimin Binti Zainol <azimin@uum.edu.my>;



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia

Serving the Global Community



2 OKTOBER 2017/12 MUHARAM 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Good Day,



GSEEP ONLINE : Pada 25-27 September 2017, pihak Kabupaten Bekasi, melalui Bupati, Dr Hajah Neneng Hasnah Yasin, telah menjemput Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Prof. Dr. Kamarulnizam Abdullah, bagi pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menyampaikan syarahan di majlis BIMTEK Peningkatan Kompetensi Managerial dan Wawasan Global bagi peringkat lingkungan Pemerintah Kabupaten Bekasi. Kabupaten Bekasi merupakan antara kabupaten utama di provinsi Jawa Barat yang menjadi pusat perindustrian dan "feeder" kepada pembangunan metropolitan Jakarta. Turut diundang memberi ceramah adalah Pengarah Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP), Dr Noor Azimin Zainol serta Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan, Dr Ahmad Hisham Zainal Abidin. Program 3 hari tersebut telah diadakan di Hotel Sultan, Jakarta, Indonesia dan dihadiri oleh 40 pegawai kanan Kabupaten Bekasi.

Ini berikutan dari rundingan pihak Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP) yang telah menandatangani Letter of Intent (LOI) dengan pihak Kabupaten Bekasi, Provinsi Jawa Barat Indonesia, pada April 2017 lepas. LOI ini adalah untuk memuktamadkan penawaran latihan eksekutif kepada para pegawai negeri di Bekasi. LOI tersebut telah ditandatangani oleh Drs. H.U.J.U M.Si. selaku Pembina Utama Madya (Sekretari Daerah), bagi pihak Kabupaten Bekasi, manakala pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) pula diwakili oleh Prof. Dr. Kamarulnizam Abdullah, mewakili Naib Canselor UUM.

Di dalam program yang akan ditawarkan pada penghujung 2017, pihak GSEEP telah diberikan kepercayaan untuk melatih para pegawai kanan dan menengah (*mid-level*) di Kabupaten Bekasi. Mereka akan dibahagikan kepada empat kohort dan akan dilatih sepenuhnya oleh tenaga dan kepakaran dari Malaysia. Program eksekutif ini merangkumi projek latihan serta lawatan sambil belajar di Malaysia dan Indonesia, melalui pelbagai medium latihan secara kajian kes, perbincangan dan seminar.

Habis.

Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +604928771/7766 | Fax: +6049287799 | Email: gsgsg@uum.edu.my

Website : gseep.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.